



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF AGRICULTURE MALAYSIA

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974  
PESTICIDES ACT 1974

KAEDAH-KAEDAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PELESENAN BAGI PENJUALAN DAN PENYIMPANAN  
UNTUK PENJUALAN) 2007  
PESTICIDES (LICENSING FOR SALE AND STORAGE FOR SALE) RULES 2007

LESEN UNTUK MENJUAL RACUN MAKHLUK PEROSAK  
LICENCE TO SELL PESTICIDES

No. Lesen : SEL/2025/1640/0106(SJ)  
Licence No.

Nama syarikat/perniagaan  
*Name of company/business*

: KPLUS PEST MANAGEMENT

Alamat  
*Address*

: NO.C9A, FIRST FLOOR, JALAN PRIMA 1  
PRIMA BUSINESS CENTRE  
TAMAN RASA SAYANG  
43200 CHERAS  
SELANGOR

Kelas-Kelas yang diperuntukkan  
*Assigned classes*

: II, III, IV

Di premis perniagaan  
*At business premises*

: NO.C9A, FIRST FLOOR, JALAN PRIMA 1  
PRIMA BUSINESS CENTRE  
TAMAN RASA SAYANG  
43200 CHERAS  
SELANGOR

Tempoh sah  
*Validity period*

: 11 JUN 2025 HINGGA 10 JUN 2028

Tarikh dikeluarkan  
*Date issued*

: 11 JUN 2025



Tandatangan :  
*Signature*

Nama : AHMAD FAIRUZ BIN CHE OMAR  
*Name*

Pegawai Pelesen Racun Makhluk Perosak  
*Pesticides Licensing Officer*

Lesen ini hendaklah dipamerkan  
*This licence shall be displayed*

SYARAT-SYARAT: Lihat sebelah  
*CONDITIONS See overleaf*

Dokumen ini adalah cetakan komputer dan hanya memerlukan perakuan elektronik.  
*This is computer generated document and required only electronic authentication.*

**SYARAT-SYARAT LESEN UNTUK MENJUAL RACUN MAKHLUK PEROSAK BAGI PREMIS DI MANA RACUN  
MAKHLUK PEROSAK DIPAMER DAN/-ATAU DISIMPAN (SJ)**

1. Lesen ini hendaklah dipamer dengan jelas.
2. Racun makhluk perosak yang dipamer dan/-atau disimpan hendaklah diletakkan mengikut pelan latar (*Borang LRMP-L2*) yang diluluskan.
3. Pemegang Lesen hendaklah mempamerkan papantanda-papantanda berikut :-
  - a. "**RACUN MAKHLUK PEROSAK TIDAK BOLEH DIJUAL KEPADA ORANG DI BAWAH UMUR 18 TAHUN**" hendaklah dipamerkan di bahagian kaunter jualan yang mudah dilihat.
  - b. "**BERBAHAYA! RACUN MAKHLUK PEROSAK**" serta simbol tengkorak tulang bersilang hendaklah dipamerkan dengan jelas. Satu papan tanda perlu diletakkan setiap 3 meter di rak pameran racun makhluk perosak
  - c. "**AWAS! STOR RACUN MAKHLUK PEROSAK - DI LARANG MAKAN, MINUM DAN MEROKOK**" serta simbol tengkorak tulang bersilang hendaklah dipamerkan dengan jelas di setiap pintu stor.
4. Racun makhluk perosak hanya boleh dijual dan disimpan untuk dijual dalam bekas asalnya sahaja.
5. Racun makhluk perosak hendaklah dipamerkan berasingan daripada barang-barang lain.
6. Racun makhluk perosak yang dipamerkan di atas lantai hendaklah disusun di atas pengalas yang sesuai. Racun Makhluk Perosak hendaklah disusun tidak melebihi 2 meter tinggi, 1.5 meter lebar dan mempunyai ruang laluan 1 meter antara barisan.
7. Racun makhluk perosak kelas Ia dan Ib yang dipamerkan hendaklah disusun secara berasingan daripada racun makhluk perosak kelas II, III dan IV.
8. Premis yang menjual bahan makanan, minuman atau ubat-ubatan hanya dibenarkan menjual racun makhluk perosak kelas II, III dan IV sahaja dan tidak boleh dipamerkan.
9. Racun makhluk perosak monocrotophos, methamidophos dan acephate hanya boleh dijual kepada pembeli yang mempunyai Surat Kebenaran Pembelian yang dikeluarkan oleh Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak.
10. Kuantiti racun makhluk perosak monocrotophos, methamidophos dan acephate, yang dibeli, dijual atau dilupuskan hendaklah direkodkan mengikut format LRMP-L17 dengan betul, kemaskini dan dikemukakan apabila dikehendaki.
11. Racun makhluk perosak monocrotophos, methamidophos dan acephate tidak boleh dipamerkan.
12. Racun makhluk perosak kelas 1a, 1b dan acephate yang disimpan di dalam stor hendaklah disusun secara berasingan daripada racun makhluk perosak kelas II, III dan IV.
13. Racun makhluk perosak yang disimpan di dalam stor hendaklah disusun di atas pengalas.
14. Racun makhluk perosak hendaklah disusun tidak melebihi 2 meter tinggi, 1.5 meter lebar dan mempunyai ruang laluan 1 meter antara barisan bagi premis tanpa forklift.
15. Stor racun makhluk perosak hendaklah tidak mengandungi barang-barang lain dan sentiasa berkunci.
16. Racun makhluk perosak hendaklah diletakkan di tempat yang kering.
17. Racun makhluk perosak hendaklah diletakkan di tempat yang tidak terdedah kepada cahaya matahari.
18. Lantai premis hendaklah diperbuat daripada simen konkrit yang tidak mudah meresap dan tidak mudah retak.
19. Premis hendaklah mempunyai alat pemadam api yang diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan sah tempoh.
20. Premis hendaklah menyediakan kemudahan asas rawatan tumpahan racun makhluk perosak seperti baldi berisi pasir dan pendedok.
21. Premis hendaklah mempunyai pengudaraan yang sempurna. Jika tidak, kipas ekzos perlu dipasang.
22. Premis hendaklah mempunyai cahaya lampu elektrik yang terang.
23. Premis hendaklah mempunyai bekalan air bersih.
24. Semua dokumen perniagaan yang berkaitan dengan penjualan racun makhluk perosak hendaklah disimpan dan dikemukakan apabila dikehendaki.
25. Kuantiti racun makhluk perosak yang dibenarkan bagi Premis Kedai Runcit : **Tidak melebihi 1 tan.**
26. Syarat-syarat lain yang difikirkan sesuai oleh Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak.

**PERINGATAN:**

Di bawah peruntukan Seksyen 18 Akta Racun Makhluk Perosak 1974, lesen boleh dibatalkan, digantung atau ditolak permohonan untuk membaharuinya jika permohonan mempunyai maklumat yang tidak benar atau telah melanggar mana-mana syarat Pelesenan atau peruntukan-peruntukan Akta ini atau Kaedah-Kaedah atau Peraturan-Peraturan di bawahnya.